

## TERMA DAN SYARAT

### **PROMOSI MAGHI SIGN LUBOK JONG (16 MEI 2021 SEHINGGA 15 JUN 2021)**

#### **SYARAT KELAYAKAN**

1. Promosi “**MAGHI SIGN LUBOK JONG**” (“Promosi ini”) akan bermula dari **16 Mei 2021 sehingga 15 Jun 2021** (“Tempoh Promosi”) dan hanya untuk Pembeli/Pembeli-Pembeli projek pembangunan Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) **Residensi Lubok Jong, Kelantan sahaja.**
2. Promosi ini terbuka untuk Pembeli/Pembeli- Pembeli baru dan lama yang masih belum menandatangani Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) dan tertakluk kepada terma dan syarat di bawah:
  - i. Promosi ini hanya terpakai untuk Pembeli/Pembeli-Pembeli kediaman **berjenis Rumah Teres Dua Tingkat (“RTDT”) sahaja;**
  - ii. **Pembeli/Pembeli-Pembeli lama dan baru** kediaman jenis RTDT yang mempunyai surat tawaran pembelian rasmi PR1MA (“OTP PR1MA”), mereka hendaklah memastikan Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) telah **ditandatangani dan dimeterai setem dalam tempoh 90 hari dari tarikh OTP PR1MA (untuk pembelian dari 16 Mei 2021 sehingga 15 Jun 2021 sahaja); dan**
  - iii. Pembayaran telah dibuat kepada PR1MA:
    - a) Pembeli/Pembeli-Pembeli yang membuat pembelian secara tunai hendaklah memastikan bayaran tidak kurang daripada RM4,000 telah dibuat kepada pihak PR1MA dalam tempoh masa mengikut syarat kelayakan (tidak melebihi 90 hari dari tarikh OTP PR1MA).
    - b) Sekiranya Pembeli/Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli dan/atau Perjanjian Pinjaman Perumahan setelah Hadiah diberikan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah tunai yang diterima atau jumlah pembayaran Wang Perbezaan dan/atau bayaran pembiayaan pinjaman perumahan yang telah diterima oleh PR1MA.
3. Promosi ini akan berjalan sejajar dengan Promosi Jom Sign Ohsem (Fasa 2) yang sedang berlangsung dari 11 April 2021 sehingga 10 Jun 2021. Pembeli/Pembeli-Pembeli yang layak dalam Promosi ini juga layak untuk memohon kelulusan Promosi Jom Sign Ohsem (Fasa 2) sebagai ganjaran tambahan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan permohonan Promosi Jom Sign Ohsem (Fasa 2), sila layari laman sesawang [pr1ma.my](http://pr1ma.my) atau hubungi ejen jualan PR1MA yang sah.
4. Pernerangan lanjut dibawah adalah terpakai untuk Terma & Syarat Promosi ini sahaja:-
  - i. PR1MA merujuk secara kolektif pada Perbadanan PR1MA Malaysia atau Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia sebuah pertubuhan yang diperbadankan di bawah Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia, 2012 (Akta 739) [“Akta PR1MA 2012”] serta termasuk anak-anak syarikatnya, pengganti dan penerima yang dibenarkan;
  - ii. Pembeli/Pembeli-Pembeli lama ialah mereka yang masih mempunyai surat tawaran pembelian rasmi PR1MA (OTP PR1MA) bertarikh sebelum 16 Mei 2021;
  - iii. Pembeli/Pembeli-Pembeli baru ialah mereka yang mendapat surat tawaran pembelian rasmi PR1MA (OTP PR1MA) dalam tempoh promosi (16 Mei 2021 sehingga 15 Jun 2021).
  - iv. Wang Perbezaan merupakan perbezaan antara harga kediaman PR1MA dibeli dengan jumlah pinjaman diluluskan oleh institusi kewangan yang perlu dibayar oleh Pembeli/Pembeli-Pembeli.

## TERMA DAN SYARAT

### **PROMOSI MAGHI SIGN LUBOK JONG (16 MEI 2021 SEHINGGA 15 JUN 2021)**

#### **HADIAH**

1. Hadiah dalam bentuk **e-baucar Lazada (“Hadiah”)** akan diberikan kepada Pembeli / Pembeli-Pembeli kediaman PR1MA yang memenuhi terma dan syarat kelayakan yang dinyatakan di atas.

2. Huraian dan kategori Hadiah adalah seperti berikut:

| <b>Kategori</b>       | <b>Perjanjian Jual-Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan</b> | <b>Hadiah e-Voucher Lazada yang Layak</b> |
|-----------------------|---|---|
| Pembeli Baru dan Lama | Disempurnakan kurang daripada 90 hari dari tarikh OTP PR1MA   | RM4,000                                   |

3. Pembayaran telah dibuat kepada PR1MA:

- a) Pembeli/Pembeli-Pembeli yang membuat pembelian secara tunai hendaklah memastikan bayaran tidak kurang daripada RM4,000 telah dibuat kepada pihak PR1MA dalam tempoh masa mengikut syarat kelayakan (tidak melebihi 90 hari dari tarikh OTP PR1MA).
- b) Sekiranya Pembeli/Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli dan/atau Perjanjian Pinjaman Perumahan setelah Hadiah diberikan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah tunai yang diterima atau jumlah pembayaran Wang Perbezaan dan/atau bayaran pembiayaan pinjaman perumahan yang telah diterima oleh PR1MA.

4. Hanya satu Hadiah akan diberikan sekiranya pembelian kediaman PR1MA ini adalah secara pembelian bersama. (Satu Unit = Satu Hadiah).

5. Pemberian Hadiah cuma akan dilakukan setelah PR1MA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan syarat-syarat dan terma-terma yang telah dipenuhi oleh Pembeli/Pembeli-pembeli.

6. Syarat dan Terma penebusan dan penggunaan Hadiah e-baucar Lazada adalah tertakluk pada syarikat Lazada. Pembeli/Pembeli-Pembeli yang layak menerima hendaklah berurusan terus dengan Lazada untuk sebarang pertanyaan atau kemusykilan lanjut terhadap e-baucar tersebut.

7. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan dan kaedah dipindahmilik, diserahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan secara tunggal dan mutlak diberikan kepada Pembeli / Pembeli-Pembeli yang layak. Hadiah tidak boleh dalam apa-apa keadaan atau kaedah ditukar atau ditebus oleh Pembeli / Pembeli-Pembeli yang layak dalam apa-apa bentuk nilai, perdagangan atau pertukaran atau cara lain selain daripada yang ditetapkan oleh pihak PR1MA. Hadiah tidak boleh dalam apa jua keadaan ditukarkan sebagai nilai gantian kepada harga jualan yang ditetapkan di dalam Perjanjian Jual Beli.

8. PR1MA berhak secara mutlak untuk menukar/menggantikan mana-mana Hadiah dengan mana-mana barangan atau apa jua bentuk hadiah lain dengan sebarang nilai dari vendor dan/atau pembekal, yang sama atau berlainan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis kepada semua Pembeli terlebih dahulu.

## TERMA DAN SYARAT

### **PROMOSI MAGHI SIGN LUBOK JONG (16 MEI 2021 SEHINGGA 15 JUN 2021)**

#### PEMBATALAN KELAYAKAN

1. Pembeli / Pembeli-Pembeli yang melanggar sebarang Terma dan Syarat Promosi “**MAGHI SIGN LUBOK JONG**”, sebarang terma-terma di bawah Perjanjian Jual Beli bagi pembelian kediaman PR1MA , mana - mana undang-undang dan/ atau peraturan yang berkuatkuasa akan dibatalkan kelayakan secara automatik tanpa sebarang notis.
2. Sekiranya Pembeli / Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli setelah segala proses Jual Beli disempurnakan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah tunai yang diterima atau jumlah pembayaran Wang Perbezaan dan/atau bayaran pembiayaan pinjaman perumahan yang telah diterima oleh PR1MA.

#### TERMA DAN SYARAT AM

1. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pembeli/ Pembeli-Pembeli dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini sepenuhnya.
2. Pihak PR1MA tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai apa-apa tanggungan rugi bagi apa-apa kos tambahan yang akan ditanggung oleh Pembeli / Pembeli-Pembeli akibat daripada penebusan Hadiah dan susunatur yang dibuat oleh Pembeli / Pembeli-Pembeli bersama pihak Lazada dan/atau pembekal yang berkenaan. Pihak PR1MA juga tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah memberikan sebarang waranti dan jaminan samada secara tersurat atau tersirat berkaitan ketersediaan dan penggunaan apa-apa Hadiah yang ditebus dan susunatur yang dibuat dengan pihak Lazada dan/atau pembekal berkenaan.
3. Penyertaan Pembeli / Pembeli-Pembeli untuk Promosi ini adalah di atas risiko sendiri. PR1MA, syarikat pegangan, anak syarikat, lembaga pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/ atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kehilangan dan kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan secara tidak langsung atau berbangkit, atau bagi kecederaan diri sendiri atau mana-mana pihak ketiga dalam apa jua keadaan dan cara berhubung dengan penebusan dan/ atau penggunaan Hadiah. Pembeli- Pembeli menanggung rugi PR1MA terhadap apa-apa tuntutan, tindakan, kerugian atau ganti rugi yang dibuat oleh mereka sendiri atau oleh mana-mana pihak ketiga yang lain dalam apa jua keadaan atau cara berhubung dengan Promosi ini, penebusan dan/atau penggunaan Hadiah.
4. Sebarang perubahan termasuk tafsiran Terma dan Syarat Promosi ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa PR1MA sepenuhnya dan apa-apa notis dan/atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh PR1MA berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad.
5. Promosi ini tidak dalam apa-apa keadaan dan kaedah menjadi sebarang penambahan, variasi atau pindaan kepada Perjanjian Jual Beli di antara PR1MA dan Pembeli / Pembeli-Pembeli yang membeli kediaman PR1MA.
6. Promosi ini adalah tertakluk kepada kekosongan unit sementara stok masih ada.

## SOALAN LAZIM

### **PROMOSI MAGHI SIGN LUBOK JONG (16 MEI 2021 SEHINGGA 15 JUN 2021)**

**1. Apakah Promosi “MAGHI SIGN LUBOK JONG” secara ringkas?**

Promosi “MAGHI SIGN LUBOK JONG” yang dilancarkan oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (“PR1MA”) (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma & Syarat) merupakan satu Promosi pemasaran yang menawarkan hadiah dalam bentuk e-baucar Lazada kepada Pembeli / Pembeli-Pembeli yang menepati syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

**2. Apakah syarat kelayakan untuk menyertai Promosi “MAGHI SIGN LUBOK JONG” ini?**

- i. Promosi ini hanya terpakai untuk Pembeli/Pembeli-Pembeli kediaman **berjenis Rumah Teres Dua Tingkat (“RTDT”) sahaja;**
- ii. **Pembeli/Pembeli-Pembeli lama dan baru** kediaman jenis RTDT yang mempunyai surat tawaran pembelian rasmi PR1MA (“OTP PR1MA”), mereka hendaklah memastikan Perjanjian Jual Beli dan Perjanjian Pinjaman Perumahan (jika berkenaan) telah **ditandatangani dan dimeterai setem dalam tempoh 90 hari dari tarikh OTP PR1MA (untuk pembelian dari 16 Mei 2021 sehingga 15 Jun 2021 sahaja);** dan
- iii. Pembayaran telah dibuat kepada PR1MA:
  - a) Pembeli/Pembeli-Pembeli yang membuat pembelian secara tunai hendaklah memastikan bayaran tidak kurang daripada RM4,000 telah dibuat kepada pihak PR1MA dalam tempoh masa mengikut syarat kelayakan (tidak melebihi 90 hari dari tarikh OTP PR1MA).
  - b) Sekiranya Pembeli/Pembeli-Pembeli membatalkan pembelian kediaman PR1MA atau membuat apa-apa perkara yang membatalkan Perjanjian Jual Beli dan/atau Perjanjian Pinjaman Perumahan setelah Hadiah diberikan, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah tunai yang diterima atau jumlah pembayaran wang perbezaan dan/atau bayaran pembiayaan pinjaman perumahan yang telah diterima oleh PR1MA.

**3. Bilakah Promosi PR1MA “MAGHI SIGN LUBOK JONG” ini akan berlangsung?**

Promosi PR1MA “MAGHI SIGN LUBOK JONG” akan bermula pada 16 Mei 2021 sehingga 15 Jun 2021.

**4. Adakah Promosi ini hanya untuk projek tertentu sahaja?**

Promosi ini terbuka untuk pembelian jenis “Rumah Teres Dua Tingkat” di Residensi Lubok Jong sahaja.

**5. Adakah saya layak menyertai Promosi ini sekiranya saya membuat pembelian tunai Rumah Teres Dua Tingkat di Residensi Lubok Jong?**

Promosi ini terbuka untuk pembelian sama ada secara tunai dan/atau secara pembiayaan daripada institusi kewangan.

**6. Bilakah saya boleh menuntut hadiah yang ditawarkan?**

Pemberian Hadiah cuma akan dilakukan setelah PR1MA selesai membuat segala pengesahan yang diperlukan berdasarkan syarat-syarat dan terma-terma yang telah dipenuhi oleh Pembeli/Pembeli-Pembeli. Pihak PR1MA akan menghubungi anda sekiranya anda layak dan proses selesai.

**7. Apakah saya layak untuk menyertai Promosi sekiranya saya telahpun menerima tawaran Promosi yang lain seperti Promosi Sign Ohsem?**

Ya, untuk pembelian kediaman Rumah Teres Dua Tingkat Sahaja. Anda layak walaupun telah menerima tawaran Promosi Jom Sign Ohsem (Fasa 2) sahaja yang berlangsung dari 11 Apr 2021 sehingga 10 Jun 2021.

**8. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya melanggar terma dan syarat Promosi ini?**

Kelayakan akan terbatal secara automatik tanpa sebarang notis sekiranya Pembeli / Pembeli-Pembeli melanggar sebarang terma dan syarat Promosi, gagal menjelaskan Wang Perbezaan atau

## **SOALAN LAZIM**

### **PROMOSI MAGHI SIGN LUBOK JONG (16 MEI 2021 SEHINGGA 15 JUN 2021)**

10% daripada harga jualan (atau sebarang jenis pembayaran kepada PR1MA) dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh pihak PR1MA, atau menjadi bankrap, pihak PR1MA berhak untuk membatalkan Perjanjian Jual Beli tanpa sebarang pampasan kepada Pembeli / Pembeli-Pembeli, dan terma-terma di dalam Perjanjian Jual Beli akan terpakai dalam perkara ini. Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli / Pembeli-Pembeli. Pembeli / Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli.

**9. Apakah tindakan PR1MA sekiranya saya membatalkan pembelian kediaman PR1MA dan/atau Perjanjian Jual Beli?**

Semua kos pembatalan akan ditanggung sepenuhnya oleh Pembeli / Pembeli-Pembeli. Pembeli / Pembeli-Pembeli juga mesti membayar pampasan kepada pihak PR1MA jika terdapatnya kos pembatalan yang timbul akibat pembatalan Perjanjian Jual Beli. Sekiranya Hadiah telah diberikan kepada Pembeli / Pembeli-Pembeli, nilai Hadiah akan ditolak daripada jumlah tunai yang diterima atau jumlah pembayaran wang perbezaan dan/atau bayaran pembiayaan pinjaman perumahan yang telah diterima oleh PR1MA.

**10. Siapakah yang perlu saya hubungi untuk mengetahui maklumat lebih lanjut mengenai Promosi ini?**

Sila hubungi Pusat Panggilan PR1MA ditalian 03-7628 9898 pada waktu pejabat, (9 pagi hingga 6 petang) Isnin hingga Ahad atau emel ke [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my) atau Rakan Jualan PR1MA yang dilantik bagi projek ini. Terma dan Syarat serta maklumat lanjut promosi ini boleh didapati di laman sesawang PR1MA melalui pautan [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my).